



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**STRATEGI PEMBELAJARAN DAN SIKAP TERHADAP KOMPUTER
BAGI MATA PELAJARAN INFORMATION AND COMMUNICATION
TECHNOLOGY PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

NORLIZA IBRAHIM

FPP 2010 24

**STRATEGI PEMBELAJARAN DAN SIKAP TERHADAP KOMPUTER BAGI
MATA PELAJARAN *INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY*
PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

Oleh

NORLIZA IBRAHIM

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

September 2010



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**STRATEGI PEMBELAJARAN DAN SIKAP TERHADAP KOMPUTER BAGI
MATA PELAJARAN *INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY*
PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

Oleh

NORLIZA IBRAHIM

September 2010

Pengerusi : Profesor Madya Wong Su Luan, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana hubungan di antara tahap strategi pembelajaran dengan sikap terhadap komputer. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti manakah di antara sepuluh dimensi bagi strategi pembelajaran (sikap, motivasi, pengurusan masa, kegelisahan, penumpuan, pemprosesan maklumat, pemilihan idea utama, bahan bantu belajar, ujian sendiri dan strategi ujian) merupakan peramal terbaik bagi sikap terhadap komputer dalam kalangan pelajar tingkatan empat di negeri Terengganu.

Kajian berbentuk deskriptif kuantitatif ini melibatkan seramai 149 orang pelajar di 12 buah sekolah pelaksana mata pelajaran *Information and Communication Technology (ICT)* yang dipilih menggunakan teknik persampelan berkelompok. Kajian menggunakan dua jenis instrumen iaitu Inventori Strategi Belajar dan



Pembelajaran – Versi Sekolah Menengah (LASSI-HS) untuk mengukur strategi pembelajaran pelajar. Manakala instrumen Sikap Terhadap Komputer (STK) pula digunakan untuk mengukur sikap pelajar terhadap komputer. Nilai kebolehpercayaan yang dilaporkan bagi set LASSI-HS ialah .91, manakala bagi set STK ialah .86.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, pelajar-pelajar kelas ICT mempunyai sikap positif terhadap komputer ($M=120.74$, $SP=12.43$) dan mempunyai tahap yang tinggi ($M=247.09$, $SP=32.94$) bagi strategi pembelajaran. Analisis kolerasi pula mendapati terdapat hubungan signifikan yang positif tetapi lemah di antara strategi pembelajaran dengan sikap pelajar ICT terhadap komputer ($r= .24$, $n=149$, $p< .05$). Analisis berikutnya yang menggunakan regresi linear pelbagai (*Multiple Linear Regression*), menunjukkan hanya pembolehubah strategi ujian (TST) dengan nilai beta iaitu 1.03 merupakan penyumbang unik yang kuat bagi menerangkan sikap pelajar ICT terhadap komputer.

Berdasarkan dapatan kajian ini, dicadangkan supaya guru menekankan penggunaan strategi pembelajaran ke dalam setiap mata pelajaran yang diajar di sekolah terutama bagi strategi ujian. Penekanan terhadap kemahiran metakognitif juga perlu dititik beratkan dalam usaha untuk meningkatkan sikap pelajar terhadap komputer dan untuk menggalakkan pelajar bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka seperti mana yang disarankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bestari iaitu pembelajaran terarah sendiri,

pembelajaran pemerolehan sendiri, pembelajaran penilaian sendiri, dan pembelajaran kemampuan sendiri (SeDAAP).



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**LEARNING STRATEGIES AND COMPUTER ATTITUDE FOR
INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY SUBJECT OF FORM
FOUR STUDENTS**

By

NORLIZA IBRAHIM

September 2010

Chairman : Associate Professor Wong Su Luan, PhD

Faculty : Educational Studies

This study aims to identify the relationship between students' learning strategies level and their computer attitude. It also aims to identify which of the ten dimensions of learning strategies (attitudes, motivation, time management, anxiety, concentration, information processing, selecting main ideas, study aids, self-testing and test-strategy) that best predict computer attitude among form four students in Terengganu.

This quantitative descriptive study recruited 149 secondary school students from 12 schools that offered *Information and Communication Technology (ICT)*. The participants were selected through a cluster sampling technique. The Learning and Study Strategies Inventory-High School Version (LASSI-HS) was used to



assess students' learning strategies and The Attitude Toward Computer (ATC) was used to assess students' computer attitudes. The alpha reliability coefficients for the LASSI-HS and ATC were reported at .91 and .86.

The finding of this study indicated that, the students in ICT classes have a positive computer attitude (M=120.74, SP=12.43) and high level of learning strategies (M=247.09, SP=32.94). The result also showed that there is a small significant correlation between learning strategies and students' computer attitude ($r = .24$, $n = 149$, $p < .05$). Further analysis using Multiple Linear Regression indicated that test strategy with beta coefficient 1.03 is the best unique predictor that explains the computer attitude.

Based on these findings, it is suggested that teachers emphasize on the use of learning strategies especially the test strategy in each subject that are taught in schools. It is also suggested that more emphasis is placed on metacognitive skills in order to increase students' computer attitude, and to encourage students to be responsible of their own learning as well, as recommended by the smart teaching-learning process which are the *Self-Directed learning*, *Self-Accessed learning*, *Self-Assessed learning* and *Self-Paced learning* (SeDAAP) .



PENGHARGAAN

Setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Ilahi yang telah memberikan kekuatan, semangat, dan kesabaran dalam melengkapkan tesis ini. Sememangnya tugas ini penuh dengan cabaran dan rintangan. Namun berkat bantuan, bimbingan, nasihat, sokongan, dan kerjasama daripada pelbagai pihak semuanya dapat diharungi jua. Justeru itu, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan rasa penghargaan dan terutang budi kepada individu-individu berikut.

Kepada Prof Madya Dr Wong Su Luan yang begitu tekun membimbing dan mencorak penulisan ini terutamanya dalam pencarian soal selidik, menganalisis dan menginterpretasi data kajian, dan pencarian bahan-bahan ilmiah untuk menyokong penyelidikan ini. Ketekunan beliau dalam menyemak, memberi idea-idea, dan juga kata semangat bagi menghasilkan satu penulisan yang baik merupakan pengalaman yang amat bermakna dan akan sentiasa tersemat dalam lipatan memori.

Kepada Dr Ahmad Fauzi Mohd Ayub yang tidak pernah jemu melontarkan idea dan pandangannya terutama dalam menganalisis dan menginterpretasi data kajian. Kesabaran dan ketekunan beliau selaku pembimbing amatlah dihargai dan disanjung.



Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, dan pengetua-pengetua sekolah yang telah memberi kebenaran dan kerjasama dalam menjalankan kajian serta kepada semua guru-guru dan pelajar yang terlibat.

Kepada suami tercinta, Ibrahim Abd Rahman, kesabaran, dorongan, dan kasih sayang kanda tiada tolak bandingannya. Kepada anakku yang dikasihi Muhammad Aqil Adham dan Muhammad Amer Irfan; anakanda penguat semangat untuk ibu terus berusaha dan berjaya. Tidak lupa juga kepada ayahnda Ibrahim Ali dan bonda Esah Che Jusoh yang banyak berjasa dan tidak pernah jemu memberi semangat kepada anakanda untuk terus berjaya. Terima kasih atas doa, nasihat dan bimbingan anda semua.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 24 September 2010 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norliza binti Ibrahim untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Strategi Pembelajaran dan Sikap Terhadap Komputer Bagi Mata Pelajaran *Information and Communication Technology* Pelajar Tingkatan Empat” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah berkenaan.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Aida Suraya Md Yunus, PhD

Profesor Madya
Pusat Pembangunan Akademik
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Wan Zah WanAli, PhD

Profesor Madya
Pusat Pembangunan Akademik
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rosnaini Mahmud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Baharudin Aris, PhD

Pensyarah
Pusat Pengajaran dan Pembelajaran
Universiti Teknologi Malaysia
(Pemeriksa Luar)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Wong Su Luan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Fauzi Mohd Ayub, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.

NORLIZA IBRAHIM

Tarikh: 24 September 2010



JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|--------------------------|---|
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | v |
| PENGHARGAAN | vii |
| PENGESAHAN | ix |
| PERAKUAN | xi |
| SENARAI JADUAL | xvi |
| SENARAI RAJAH | xviii |
| SENARAI SINGKATAN | xix |
| | |
| BAB | |
| 1 | Pengenalan |
| 1.1 | Latar Belakang Kajian 1 |
| 1.1.1 | Koridor Raya Multimedia (MSC) 2 |
| 1.1.2 | Sekolah Bestari 3 |
| 1.1.3 | Sikap Terhadap Komputer 4 |
| 1.1.4 | Strategi Pembelajaran dan Pencapaian Pelajar 6 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah 10 |
| 1.3 | Objektif Kajian 13 |
| 1.4 | Persoalan Kajian 14 |
| 1.5 | Kepentingan Kajian 16 |
| 1.6 | Batasan Kajian 17 |
| 1.7 | Definisi Istilah |
| 1.7.1 | Strategi Pembelajaran 19 |
| 1.7.2 | Mata Pelajaran <i>Information and Technology Communication</i> (ICT) 25 |
| 1.7.3 | Sikap Terhadap Komputer 26 |
| 1.8 | Kesimpulan 28 |
| | |
| 2 | Sorotan Literatur |
| 2.1 | Pendahuluan 29 |
| 2.2 | Teori Pembelajaran 30 |
| 2.3 | Teori dan Model Sikap 32 |
| 2.3.1 | <i>Theory of Reasoned Action</i> (TRA) 33 |
| 2.3.2 | <i>Technology Acceptance Model</i> (TAM) 35 |
| 2.4 | Kerangka Teori Kajian 38 |
| 2.5 | Kerangka Konseptual Kajian 41 |
| 2.6 | Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) 43 |
| 2.7 | Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pendidikan 45 |
| 2.8 | Mata Pelajaran <i>Information and Communication</i> 48 |



| | | |
|----------|--|-----|
| | <i>Technology (ICT)</i> | |
| 2.9 | Sikap Terhadap Komputer | 52 |
| 2.9.1 | Sikap dan Keceapan Terhadap Komputer | 57 |
| 2.10 | Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Sikap Terhadap Komputer | 63 |
| 2.10.1 | Jantina dan Umur | 64 |
| 2.10.2 | Pemilikan Komputer | 70 |
| 2.10.3 | Pengalaman Menggunakan Komputer | 73 |
| 2.11 | Strategi Pembelajaran | 77 |
| 2.12 | Klasifikasi Strategi Pembelajaran | 79 |
| 2.12.1 | Strategi Kognitif | 80 |
| 2.12.2 | Strategi Afektif | 83 |
| 2.12.3 | Strategi Metakognitif | 83 |
| 2.13 | Hubungan Strategi pembelajaran dengan Pencapaian | 90 |
| 2.14 | Hubungan Strategi pembelajaran dengan Sikap Terhadap Subjek | 98 |
| 2.15 | Instrumen Pengukuran Strategi Pembelajaran | 105 |
| 2.16 | Kesimpulan | 108 |
| | | |
| 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pendahuluan | 109 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 109 |
| 3.3 | Kawasan Kajian | 110 |
| 3.4 | Populasi dan Sampel Kajian | 111 |
| 3.4.1 | Pemilihan Sampel Kajian | 112 |
| 3.4.2 | Teknik Persampelan | 115 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 116 |
| 3.5.1 | Bahagian A : Demografi Responden | 118 |
| 3.5.2 | Bahagian B : Inventory Strategi Belajar dan Pembelajaran – Versi Sekolah Menengah (LASSI-HS) | 129 |
| 3.5.3 | Bahagian C : Sikap Terhadap Komputer | 125 |
| 3.5.4 | Bahagian D : Penggunaan Komputer | 128 |
| 3.6 | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 128 |
| 3.6.1 | Kesahan | 128 |
| 3.6.2 | Kebolehpercayaan | 131 |
| 3.7 | Prosedur Menjalankan Kajian | 132 |
| 3.8 | Kajian Rintis | 132 |
| 3.9 | Kajian Sebenar | 136 |
| 3.10 | Kaedah Analisis Data | 139 |
| 3.11 | Analisis data Secara Eksploratori (EDA) | 141 |
| 3.12 | Bahagian A | 145 |
| 3.13 | Bahagian B dan Bahagian C | 146 |

| | | | |
|----------|--------|---|-----|
| | 3.13.1 | Ujian Kolerasi Pearson | 149 |
| | 3.13.2 | Ujian Regresi Linear Berganda <i>Enter</i> | 150 |
| | 3.14 | Bahagian D | 152 |
| | 3.15 | Kesimpulan | 154 |
| 4 | | DAPATAN KAJIAN | |
| | 4.1 | Pendahuluan | 155 |
| | 4.2 | Latar Belakang Responden | 156 |
| | 4.2.1 | Jantina | 156 |
| | 4.2.2 | Pengalaman Menggunakan Komputer | 157 |
| | 4.2.3 | Pemilikan Komputer Peribadi dan Komputer Riba | 157 |
| | 4.2.4 | Kursus atau Latihan Komputer yang Dihadiri | 158 |
| | 4.2.5 | Markah Ujian Pertengahan Tahun MPICT | 159 |
| | 4.3 | Penggunaan Komputer dalam Kehidupan Harian | 160 |
| | 4.4 | Strategi Pembelajaran | 161 |
| | 4.4.1 | Sikap | 162 |
| | 4.4.2 | Motivasi | 164 |
| | 4.4.3 | Pengurusan Masa | 164 |
| | 4.4.4 | Kegelisahan | 167 |
| | 4.4.5 | Penumpuan | 167 |
| | 4.4.6 | Pemprosesan Maklumat | 168 |
| | 4.4.7 | Pemilihan Idea Utama | 172 |
| | 4.4.8 | Bahan Bantu Belajar | 172 |
| | 4.4.9 | Ujian sendiri | 174 |
| | 4.4.10 | Strategi Ujian | 174 |
| | 4.5 | Tahap Strategi Pembelajaran | 176 |
| | 4.6 | Sikap terhadap Komputer | 179 |
| | 4.6.1 | Afektif | 180 |
| | 4.6.2 | Kognitif | 181 |
| | 4.6.3 | Tingkah Laku | 182 |
| | 4.7 | Sikap Terhadap Komputer | 185 |
| | 4.8 | Hubungan antara Strategi Pembelajaran dengan Sikap terhadap Komputer | 187 |
| | 4.9 | Peramal bagi Sikap Terhdap komputer | 188 |
| | 4.10 | Kesimpulan | 192 |
| 5 | | RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN | |
| | 5.1 | Pendahuluan | 194 |
| | 5.2 | Rumusan Kajian | 195 |
| | 5.3 | Rumusan Dapatan Kajian | 198 |
| | 5.3.1 | Strategi Pembelajaran | 198 |
| | 5.3.2 | Sikap terhadap Komputer | 198 |

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.3.3 | Hubungan antara Strategi Pembelajaran dan Sikap terhadap Komputer | 199 |
| 5.3.4 | Peramal Terbaik bagi Sikap terhadap Komputer | 200 |
| 5.4 | Perbincangan | 201 |
| 5.4.1 | Tahap Strategi Pembelajaran | 201 |
| 5.4.2 | Sikap terhadap Komputer | 207 |
| 5.4.3 | Hubungan antara Strategi Pembelajaran dengan Sikap terhadap Komputer | 210 |
| 5.4.4 | Peramal Terbaik bagi Sikap Terhadap Komputer | 211 |
| 5.5 | Implikasi | 217 |
| 5.6 | Cadangan | 219 |
| 5.7 | Cadangan untuk Kajian Lanjutan | 221 |
| 5.8 | Kesimpulan | 224 |
| | BIBLIOGRAFI | 225 |
| | LAMPIRAN | 242 |
| | BIODATA PELAJAR | 280 |